

16 AUG 1996

Eusoff - Pindaan

KETUA HAKIM NEGARA SOKONG CADANGAN PINDA KANUN PROSEDUR JENAYAH

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Ketua Hakim Negara Tan Sri Haji Eusoff Chin menyokong cadangan supaya Kanun Prosedur Jenayah (CPC) dipinda bagi menghilangkan keraguan berhubung dengan standard bukti yang diperlukan oleh pendakwa raya pada perbicaraan kes jenayah.

Beliau berkata Seksyen 180 CPC nampaknya samar-samar dan harus dipinda supaya maksudnya jelas. Ini boleh dilakukan dengan memasukkan sub seksyen tertentu atau mengeluarkan perkataan tertentu.

Perkataan "prima facie" contohnya langsung tidak terdapat dalam CPC, kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-8 Kesatuan Bailif Semenanjung Malaysia di sini hari ini.

Eusoff diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam bahawa kerajaan sedang mengkaji implikasi keputusan Mahkamah Persekutuan bulan lepas yang memutuskan bahawa pendakwa raya perlu membuktikan tanpa sebarang keraguan di semua peringkat sebelum memanggil tertuduh membela diri.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ini untuk memastikan undang-undang negara ini dilaksanakan untuk kepentingan masyarakat dan juga tertuduh.

Dr Mahathir berkata 400 kes sedang menunggu bicara dan kerajaan khuatir tertuduh akan dibebaskan berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan itu.

Beliau berkata kajian oleh kerajaan terhadap penghakiman itu termasuk kemungkinan meminda Kanun berkenaan.

Eusoff berkata, Mahkamah Persekutuan, dalam penghakiman yang disampaikan pada 27 Julai cuma membuat tafsiran mengenai maksud Seksyen 180 CPC.

"Kami telah berbuat demikian dan alasan diberikan dalam penghakiman tersebut berdasarkan pendapat kami tentang maksud Seksyen 180 CPC," kata beliau.

"Fungsi utama mahkamah ialah untuk mentafsirkan undang-undang dan bukan untuk menggubal undang-undang. Fungsi untuk menggubal undang-undang terletak pada Kerajaan dan Parlimen," kata beliau.

"Jika sesuatu undang-undang dipinda, mahkamah akan mentafsir dan melaksanakan dengan sebaik-baiknya," tambah beliau.

"Jika kerajaan berpendapat seksyen itu tidak jelas dan ia mungkin menimbulkan keputusan berbelah-bagi, maka undang-undang harus dipinda supaya maksud Parlimen lebih jelas," kata beliau.

Justeru itu, hak mutlak untuk menggubal dasar terletak pada kerajaan dan jika kerajaan berhasrat untuk menggubal undang-undang dan undang-undang dipinda, maka mahkamah akan melaksanakan hasrat Parlimen.

Oleh itu, setiap ayat, ungkapan dan perkataan dalam undang-undang harus membawa maksud dan sesuatu seksyen harus dibacakan bersama secara keseluruhan bagi mendapatkan maksud sebenar.

Mengenai sama ada beliau mencadangkan pindaan itu kepada kerajaan, Eusoff berkata mengikut perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, adalah menjadi kewajipan Peguam Negara untuk menasihatkan kerajaan mengenai apa-apa perkara undang-undang dan bukannya Ketua Hakim Negara. -- BERNAMA

ZAB FAZ